

UIAM ambil tindakan, beri peringatan lebih hati-hati dalam perkongsian

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN 03 September 2024 12:15pm **Masa membaca: 2 minit**



Laporan Sinar Harian.

SHAH ALAM - Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung video tular membabitkan kenyataan mengelirukan daripada [seorang pensyarah](#) di media sosial baru-baru ini.

UIAM dalam satu kenyataan berkata, pihaknya juga telah memberi peringatan kepada pensyarah tersebut supaya lebih berhati-hati dalam perkongsian beliau kepada masyarakat umum pada masa akan datang.

“UIAM juga secara amnya sentiasa menegaskan bahawa pandangan ahli-ahli akademik dalam universiti ini perlu diselaraskan dengan standard yang telah ditetapkan Jawatankuasa Integriti Akademik universiti ini.

“Namun begitu, universiti tidak pernah menghalang kebebasan akademik dan sentiasa menyokong program-program percambahan ilmu,” kata kenyataan itu pada Selasa.

Sebelum ini, tular sebuah video berhubung dakwaan bahawa isteri Nabi Muhammad SAW, Sayidatina Siti Khadijah Khuwailid RA berasal dari alam Melayu.



LEADING THE WAY
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIAM)
OFFICE OF COMMUNICATION, ADVOCACY AND PROMOTION (OCAP)

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA
Meja Berita & Hal Ehwal Semasa

UIAM KOMITED MENJAGA KUALITI KESARJANAAN AHLI AKADEMIK

Gombak, 3 September - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ingin memaklumkan bahawa pihak Universiti menyedari mengenai video yang tular di media sosial berkaitan dengan seorang pensyarah dari Kolejyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan AbdullHamid Abduljalayman (AHAS KIRKHS) UIAM yang telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menimbulkan kekeliruan umum khususnya di dalam media sosial.

Pengurusan Universiti telah menyiasat dan telah mengambil tindakan sewajarnya mengikut kod etika kakitangan universiti, dalam masa yang sama pihak universiti juga telah memberi peringatan kepada pensyarah tersebut untuk lebih berhati-hati dalam perkongsian beliau kepada umum.

UIAM juga sentiasa amnya sentiasa menegaskan bahawa pautan ahli-ahli akademik dalam universiti ini perlu diselaraskan dengan standard yang telah ditetapkan Jawatankuasa Integriti Akademik universiti ini. Namun begitu, universiti tidak pernah menghalang kebebasan akademik dan sentiasa menyokong program-program percambahan ilmu.

UIAM sentiasa memperingatkan ahli akademiknya akan tanggungjawab mereka untuk memberikan hujahan yang berasaskan fakta yang jelas serta disokong oleh kajian yang telah diterbitkan dalam jurnal penyelidikan yang diklasif mengikut

Kenyataan media UIAM pada Selasa.

Pada Ahad, Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Dr Solehah Yaacob menegaskan beliau tidak pernah menyebut Khadijah berasal dari alam Melayu seperti yang ditularkan.

Beliau berkata, sebaliknya terdapat individu yang memotong sebahagian video ceramahnya sehingga menyebabkan ia disalah erti dan menjadi tular.

Tambah kenyataan itu, pihak universiti sentiasa memperingatkan ahli akademiknya akan tanggungjawab mereka untuk memberikan hujahan yang berasaskan fakta yang jelas.

Menurut kenyataan itu, ia juga perlu disokong oleh kajian dalam jurnal penyelidikan dan diiktiraf mengikut prinsip keserjanaan dalam bidang masing-masing.

"Ini penting bagi memastikan dunia akademia terus dihormati dan diiktiraf atas ketinggian ilmu dan integriti ahli-ahli akademiknya.

"UIAM komited untuk terus memastikan mutu dan kualiti pendidikan serta keserjanaan di kalangan ahli akademik terpelihara.

"Kami percaya bahawa tanggungjawab besar ahli akademik adalah untuk mendidik masyarakat dengan ilmu yang autentik dan berfakta," kata kenyataan itu.